

Borang Kebenaran:

1. “Kami, (“**Muhibbah**”) dan Kumpulan Muhibbah (**sila lihat senarai syarikat-syarikat yang lengkap di bawah) akan menggunakan maklumat yang diberikan oleh anda dalam borang permohonan ini, bersama-sama dengan maklumat lain yang mungkin kami perolehi daripada anda atau daripada pihak ketiga, misalnya daripada perujuk (“referees”) anda dan dengan melaksanakan semakan keselamatan / kredit, untuk menilai kesesuaian anda untuk bekerja dengan kami, tujuan penentusahan semasa proses pra-pekerjaan, bagi tujuan pentadbiran dan pengurusan dan untuk analisis statistik. Kami boleh mendedahkan maklumat anda kepada penyedia perkhidmatan dan agen kami untuk tujuan ini. Di mana anda telah memberikan maklumat pihak ketiga tersebut, kami anggap bahawa anda telah mendapat kebenaran dan autoriti untuk memberikan kami butiran tersebut.

2. Jika permohonan anda tidak berjaya, kami akan menyimpan maklumat anda untuk tempoh yang munasabah selaras dengan keperluan undang-undang, bagi tujuan pentadbiran dan rekod, sebagai sebahagian daripada pangkalan data himpunan bakat kami. Kami boleh menghubungi anda jika peluang kerja lain berbangkit di masa hadapan yang kami anggap mungkin sesuai untuk anda. Jika anda tidak mahu data anda membentuk sebahagian daripada pangkalan data himpunan bakat kami / tidak ingin kami hubungi anda untuk peluang pekerjaan di masa hadapan, sila tanda (√) dalam kotak ini.

3. Jika permohonan anda berjaya, kami akan menggunakan maklumat anda untuk tujuan pentadbiran kakitangan dan pengurusan, termasuk menjalankan semakan sekuriti yang sesuai. Kami mungkin perlu berkongsi maklumat anda dengan Syarikat Kumpulan Muhibbah (**sila lihat senarai syarikat-syarikat yang lengkap di bawah), agen dan penyedia perkhidmatan untuk tujuan ini. Kami juga mungkin berkongsi data peribadi anda dengan organisasi yang menyediakan dan mentadbir faedah pekerja, seperti penyedia perkhidmatan insurans dan penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, dan agen yang mengendalikan hal-hal imigresen.

4. Jika anda memberikan kami sebarang maklumat tentang keadaan perubatan, agama, kesihatan, sabitan jenayah dan/atau kategori data peribadi sensitif yang lain, sekiranya ada anda membenarkan kami memproses maklumat tersebut bagi tujuan yang diterangkan di atas.

5. Anda berhak meminta sesalinan maklumat yang disimpan oleh kami tentang anda dan yang tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (dan kami boleh mengenakan bayaran bagi maklumat tersebut) dan untuk membetulkan sebarang maklumat yang tidak tepat dalam data anda.

Notis Dan Pilihan:

6. Semua ruang relevan yang ditanda * adalah wajib dan mesti dilengkapkan untuk Muhibbah melaksanakan kerja berkaitan sumber manusia sekiranya anda menjadi pekerja Muhibbah. Kegagalan untuk memberikan maklumat ini mungkin menjejaskan pelaksanaan tugas sedemikian.

Persetujuan Pihak Ketiga

7. Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga (contohnya, orang hubungan kecemasan anda, majikan/majikan terdahulu, wakil-wakil yang diberikan kuasa, perujuk("referee"), peguam, ahli kewangan) kepada kami, kami bergantung kepada anda untuk memperoleh dengan secukupnya terlebih dahulu persetujuan pihak ketiga tersebut untuk membolehkan kami untuk memproses data peribadi mereka berkenaan Tujuan tersebut.

Perubahan Dasar Privasi Kami

8. Kami berhak untuk meminda Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu. Kami menasihatkan anda menyemak Dasar Privasi kami ini secara tetap.
9. Selaras dengan akta perlindungan data peribadi, Notis Privasi ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

****Senarai Kumpulan Syarikat Muhibbah:**

1. *Muhibbah Engineering (M) Bhd*
2. *Muhibbah Marine Engineering Sdn Bhd*
3. *Energy Ocean Ltd*
4. *Juara Lagi Sdn Bhd*
5. *Elelink Sdn Bhd*
6. *ITS Konsortium Sdn Bhd*
7. *PT Muhibbah Enjiniring Indonesia*
8. *Muhibbah O&G Sdn Bhd*
9. *Muhibbah Engineering (Singapore) Pte Ltd*
10. *MEB Construction Sdn Bhd*
11. *Muhibbah Steel Industries Sdn Bhd*
12. *Muhibbah Airline Support Industries Sdn Bhd*
13. *Muhibbah Marine Engineering (Deutschland) GmbH*
14. *Muhibbah Masteron Cambodia JV Limited*
15. *Ann Bee (M) Sdn Bhd*
16. *Muhibbah Maritime Hub Sdn Bhd*
17. *Aspect Saga Sdn Bhd*
18. *IDS Cahaya Sdn Bhd*
19. *IDS Cahaya Ltd*
20. *IDS Darussalam Sdn Bhd*
21. *IDS Offshore Sdn Bhd*
22. *Muhibbah Steel Kuantan Sdn Bhd*
23. *Khas Jejaka Sdn Bhd*
24. *Inno Marine Services Sdn Bhd*
25. *Muhibbah International Labuan Ltd*
26. *Muhibbah Offshore Services Ltd*
27. *Muhibbah Engineering (Cambodia) Co., Ltd*
28. *Muhibbah Prospect Sdn Bhd (fka Muhibbah-LTAT JV Sdn Bhd)*
29. *Citech Energy Recovery System Malaysia Sdn Bhd (fka Solid Reserve Sdn Bhd)*
30. *Citech Energy Recovery Solutions (UK) Ltd*
31. *CB International Engineering Sdn Bhd*
32. *Muhibbah Construction Pty. Limited*
33. *Muhibbah Engineering Middle East LLC*
34. *Karisma Duta Sdn Bhd*
35. *Karisma Project Management Inc*
36. *Muhibbah Oil & Gas Sdn Bhd (fka Besimega Sdn Bhd)*
37. *Muhibbah Defense Engineering Sdn Bhd*
38. *Sun Vibrant Sdn Bhd*
39. *MCI Philippines Corp*
40. *Muhibbah Marine Kuantan Sdn Bhd*
41. *Muhibbah Corporation (L) Ltd*
42. *Cambodia Land Ltd*
43. *Muhibbah Engineering (Philippines) Corporation*
44. *Muhibbah Myanmar Company Ltd*
45. *Muhibbah Airport Management Sdn Bhd*
46. *Muhibbah Engineering Laos Co. Ltd*
47. *Muhibbah Airport Services (Labuan) Ltd*
48. *Roadcare (M) Sdn Bhd*
49. *Societe Concessionnaire de l'Aeroport*
50. *Cambodia Airport Management Services Ltd*
51. *Freyssinet PSC (M) Sdn Bhd*
52. *Wabag Muhibbah JV Sdn Bhd*
53. *M&G Sutera 8 Sdn Bhd*
54. *Favelle Favco Bhd*
55. *Favelle Favco Cranes (M) Sdn Bhd*
56. *Favelle Favco Cranes Pte Ltd*
57. *Favelle Favco Cranes (USA), Inc*
58. *Favelle Favco Cranes Pty. Limited*
59. *FF Management Pty Limited*
60. *Milperra Blasting and Coating Pty Limited*
61. *Kroll Crane A/S*
62. *FES Equipment Services Sdn Bhd*
63. *Favelle Favco Winches Pte Ltd*
64. *Shanghai Favco Engineering Machinery Manufacturing Co Ltd*
65. *Favco Offshores Sdn Bhd*
66. *Favelle Favco Machinery and Equipment LLC*
67. *Favco Heavy Industry (Changsu) Co., Ltd (fka Favco Equipment (Shanghai) Co. Ltd*
68. *Exact Automation Sdn Bhd*
69. *Exact Analytical Sdn Bhd*
70. *Exact Oil and Gas Sdn Bhd*
71. *Sedia Teguh Sdn Bhd*